



TVET@ KKDW TAWAR EKOSISTEM KEMAHIRAN YANG LENGKAP

Bertam, 16 Julai - Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) terus memberi tumpuan menyokong pembangunan modal insan bagi meningkatkan pembabitan golongan belia luar bandar dalam arus pembangunan melalui penyediaan kemudahan dan peluang pendidikan dalam bidang Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET) .

Bagi memenuhi matlamat ini, KKDW menganjurkan Ekspo TVET @KKDW 2023 sebagai usaha mempromosikan program dan peluang latihan kemahiran yang disediakan oleh Agensi dan Institusi TVET di bawah kementerian itu kepada masyarakat.

Ia juga memberi peluang kepada masyarakat khususnya di luar bandar untuk berinteraksi terus dan meningkatkan sinergi dan kerjasama di kalangan institusi dan agensi TVET@KKDW.

Ekspo tiga hari bermula 14 dan berakhir 16 Julai itu berjaya menarik lebih 300 ribu pengunjung secara fizikal dan dalam talian.

Penganjuran ekspo di Bertam Square, Kepala Batas ini memfokuskan pengisian kepada enam zon termasuk pameran, komuniti, teknousahawan, cabaran kemahiran, inovasi serta seminar dan kerjaya.

Selain itu, ekspo ini turut melibatkan pameran rakan-rakan strategik industri yang menjalinkan kerjasama dengan Institusi TVET@KKDW seperti Perodua, Modenas, Celcom dan sebagainya.

Pengambilan pekerjaan menerusi temuduga yang dilaksanakan oleh 14 majikan dari pihak industri dan juga Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) pula menawarkan pekerjaan secara terus kepada lebih seribu pencari kerja.

Dengan tagline "Pilihan Kemahiran Anda " Ekspo TVET@KKDW 2023 membawa pilihan laluan yang paling sesuai untuk melahirkan generasi tenaga kerja mahir yang dapat memenuhi keperluan industri baharu seiring dengan perkembangan revolusi industri 4.0.

Menerusi 280 institusi melalui tujuh agensi pelaksana iaitu MARA, KEMAS, JAKOA, PERDA, KEDA, RISDA dan KETENGAH , TVET@KKDW membawa 529 program dari peringkat sijil hingga ijazah kedoktoran.

15 kluster bidang ditawarkan termasuk keusahawanan dan teknousahawan; senireka dan multimedia kreatif; perubatan dan penjagaan kesihatan, fesyen dan pakaian, pengangkutan dan teknologi logistik, minyak dan gas, kecantikan dan dandanan rambut, teknologi maklumat dan komputer; elektrik dan elektronik; hospitaliti dan kulinari, teknologi bahan, kejuruteraan awam dan seni bina, pertanian dan agrikultur, bioteknologi serta mekanikal dan pembuatan.

Ekosistem yang lengkap bermula dari segi pendidikan dan latihan seterusnya persediaan memulakan perniagaan serta pinjaman kewangan turut disediakan oleh agensi di bawah KKDW kepada lepasan TVET@KKDW.

Selain itu, aspek keusahawanan antara perkara yang diberi penekanan dalam silibus supaya pelatih atau graduan mampu mencari dan mencipta pekerjaan serta membuka dan menguruskan perniagaan sendiri.

Majlis penutup Ekspo TVET@KKDW dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dengan diiringi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Turut diadakan sesi Bual Bicara komuniti TVET bersama Perdana Menteri.

Hadir sama Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Chow Kon Yeow, Menteri Pendidikan, Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri Luar Negeri Senator Dato' Sri Diraja Dr Zambry bin Abd Kadir; Timbalan Menteri KKDW Dato' Rubiah Hj Wang dan Ketua Setiausaha KKDW Dato' Sri Ramlan bin Dato' Harun.

***MAKLUMAT TAMBAHAN**

Sehingga 31 Mac 2023, seramai 13,347 orang pelajar baharu telah mendaftar dan memulakan pengajian di Institusi Pendidikan TVET@KKDW. Manakala enrolmen bilangan pelajar sedia ada sehingga tempoh yang sama adalah seramai 53,412 orang pelajar. Kebolehpasaran pelajar institusi TVET@KKDW mencapai purata 91.42%

Disediakan Oleh

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah

16 Julai 2023